

KJ bakal sertai kem Anwar?



Perbincangan ekonomi yang melibatkan bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat telah menimbulkan beberapa tanda tanya.

Khairy Jamaluddin, bekas Ahli Parlimen Rembau, hadir dalam pertemuan tersebut bersama beberapa pakar ekonomi lain, termasuk Datuk Seri Johari Ghani, Ahli Parlimen Titiwangsa.

Pertemuan ini bertujuan untuk membentuk Naratif Ekonomi Madani yang sedang dirancang untuk mengarahkan ekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Menurut Anwar, mereka sekarang mempunyai masa yang terhad untuk menyelesaikan masalah dan tantangan yang dihadapi oleh ekonomi negara, dan membawa Malaysia ke landasan yang betul.

Beliau menjelaskan bahawa walaupun begitu, kerajaan bertekad dan akan bekerja keras untuk mendorong pertumbuhan yang inklusif dan mampan.

Kehadiran Khairy Jamaluddin dalam pertemuan ini menimbulkan tanda tanya, apakah ini merupakan satu isyarat sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan?

Diketahui umum, hubungannya dengan UMNO pada masa ini sangatlah tegang.

Hal ini dibuktikan dengan komentarnya di laman sosial Facebook yang menyatakan bahawa parti tersebut akan 'bungkus' pada pilihan raya negeri (PRN) akan datang.

Selain itu, terdapat desas-desus yang mengatakan bahawa dia akan bertanding atas tiket Perikatan Nasional (PN) untuk menentang parti komponen Kerajaan Perpaduan.

Jika tidak, mungkin Khairy Jamaluddin akan menyertai kem Anwar di bawah jalur Pakatan Harapan (PH) yang terlihat lebih mesra.

Namun, apa pun yang terjadi, plot twist politik sekali lagi terjadi.